



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 26 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p><b>Nancy Wants Urgent Action To Protect Women And Children From Crimes</b></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/26/nancy-wants-urgent-action-to-protect-women-and-children-from-crimes">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/26/nancy-wants-urgent-action-to-protect-women-and-children-from-crimes</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/25/whole-of-nation-approach-needed-to-address-violent-crimes-against-women-children-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/25/whole-of-nation-approach-needed-to-address-violent-crimes-against-women-children-says-nancy</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/national/whole-of-nation-approach-needed-to-address-violent-crimes-against-women-children-says-nancy/ar-AA1pol1r">https://www.msn.com/en-my/news/national/whole-of-nation-approach-needed-to-address-violent-crimes-against-women-children-says-nancy/ar-AA1pol1r</a></p> <p><a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1289799/kanak-kanak-perlu-pendedahan-mengenai-isu-keselamatan-wanita">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1289799/kanak-kanak-perlu-pendedahan-mengenai-isu-keselamatan-wanita</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2333298">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2333298</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/semua-pihak-perlu-bekerjasama-tingkat-hak-wanita">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/semua-pihak-perlu-bekerjasama-tingkat-hak-wanita</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/25/kita-sangat-sangat-geram-dengar-isu-jenayah-sekarang-nancy/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/08/25/kita-sangat-sangat-geram-dengar-isu-jenayah-sekarang-nancy/#google_vignette</a></p>	<p>The Star</p> <p>The Star</p> <p>MSN</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1289799/kanak-kanak-perlu-pendedahan-mengenai-isu-keselamatan-wanita#google_vignette">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1289799/kanak-kanak-perlu-pendedahan-mengenai-isu-keselamatan-wanita#google_vignette</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bertindak-segera-kes-jenayah-babitkan-wanita-dan-kanak-kanak-nancy">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bertindak-segera-kes-jenayah-babitkan-wanita-dan-kanak-kanak-nancy</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/tag/peningkatan-kes-jenayah-wanita-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/tag/peningkatan-kes-jenayah-wanita-kanak-kanak/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
2.	<p><b>Mempertingkatkan Hak Wanita Tanggungjawab Bersama - Raja Permaisuri Agong</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mempertingkatkan-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong-485084">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mempertingkatkan-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong-485084</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2333298">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2333298</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/mempertingkatkan-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/mempertingkatkan-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1096566/queen-our-duty-promote-womens-rights">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1096566/queen-our-duty-promote-womens-rights</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pertingkat-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/pertingkat-hak-wanita-tanggungjawab-bersama-raja-permaisuri-agong/#google_vignette</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>NST</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
3.	<p><b>'Ayah Cepat Sihat Ya!'</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127022/ayah-cepat-sihat-ya">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1127022/ayah-cepat-sihat-ya</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
4.	<p><b>Kanak-Kanak Sesak Nafas Di Kawasan Terjejas Banjir, Dihantar Ke Hospital Menggunakan Bot</b></p>		Neutral

	<a href="https://suarasarawak.my/kanak-kanak-sesak-nafas-di-kawasan-terjejas-banjir-dihantar-ke-hospital-menggunakan-bot/">https://suarasarawak.my/kanak-kanak-sesak-nafas-di-kawasan-terjejas-banjir-dihantar-ke-hospital-menggunakan-bot/</a>	Suara Sarawak	
5.	<b>Tingkat Tenaga Buruh Wanita</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/WM/2024/08/1127040/tingkat-tenaga-buruh-wanita">https://www.hmetro.com.my/WM/2024/08/1127040/tingkat-tenaga-buruh-wanita</a>	Harian Metro	Neutral
6.	<b>'Nampak Air Hitam Mengalir Keluar Tepi Pintu' – Jiran</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1126897/nampak-air-hitam-mengalir-keluar-tepi-pintu-jiran">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1126897/nampak-air-hitam-mengalir-keluar-tepi-pintu-jiran</a>	Harian Metro	Neutral
7	<b>Tiada Unsur Jenayah Kes Bapa, Anak OKU Ditemui Mati Kelaparan</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/25/bapa-anak-oku-maut-diklasifikasikan-mati-mengejut/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/25/bapa-anak-oku-maut-diklasifikasikan-mati-mengejut/#google_vignette</a> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bapa-2-anak-oku-diklasifikasi-mati-mengejut/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bapa-2-anak-oku-diklasifikasi-mati-mengejut/</a> <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-bapa-anak-oku-mati-di-rumah-tiada-unsur-jenayah-polis-485058">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-bapa-anak-oku-mati-di-rumah-tiada-unsur-jenayah-polis-485058</a> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682239/berita/kes-bapa-anak-oku-mati-di-rumah-tiada-unsur-jenayah---polis">https://www.sinarharian.com.my/article/682239/berita/kes-bapa-anak-oku-mati-di-rumah-tiada-unsur-jenayah---polis</a> <a href="https://wartaoriental.com/2024/08/25/bapa-2-anak-oku-diklasifikasi-mati-mengejut/">https://wartaoriental.com/2024/08/25/bapa-2-anak-oku-diklasifikasi-mati-mengejut/</a>	Kosmo  Utusan  Astro Awani  Sinar Harian  Warta Oriental	Neutral
8	<b>Motosikal Roda Tiga Jadi 'Rumah' Lelaki OKU</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682194/edisi/utara/motosikal-roda-tiga-jadi-rumah-lelaki-oku">https://www.sinarharian.com.my/article/682194/edisi/utara/motosikal-roda-tiga-jadi-rumah-lelaki-oku</a>	Sinar Harian	Neutral
9	<b>OKU Bertongkat Gigih Jual Nasi Lemak</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/oku-bertongkat-gigih-jual-nasi-lemak/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/oku-bertongkat-gigih-jual-nasi-lemak/</a>	Kosmo	Neutral

10	<b>Tujuh Beradik Bergilir Jaga Bapa Strok, Dua Kakak OKU</b>  <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/tujuh-beradik-bergilir-jaga-bapa-strok-dua-kakak-oku/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/tujuh-beradik-bergilir-jaga-bapa-strok-dua-kakak-oku/</a>	Sinar Harian	Neutral
----	---	--------------	---------

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## NANCY WANTS URGENT ACTION TO PROTECT WOMEN AND CHILDREN FROM CRIMES

KUALA LUMPUR: Recent gruesome cases of murder, rape and abuse involving children and women have hit Datuk Seri Nancy Shukri (pic) hard.

But the Women, Family and Community Development Minister said being upset was not enough, as action in dealing with violent crimes was sorely needed.

“Yes, I am angry, we are angry ... but being angry doesn’t cut it, we have to take action. Everyone needs to get on board, especially those in the government.

“The responsibility lies not only with the community, it needs a whole-of-nation approach.

“We have to take action together because the matter cannot be taken lightly,” she told reporters after the presentation session of the Malaysian Care Economy Forum 2024 here yesterday.

The event, organised by the National Council of Women’s Organisation Malaysia, was held in conjunction with the 64th Women’s Day celebration.

Also present was her deputy Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Living in a timeless art piece: Unveiling the Horizon Hills masterpiece

Nancy said her ministry is continuously carrying out advocacy efforts not only among adults, but also in schools.

“We cannot give up our part in promoting awareness, but it is not enough, it still requires shared responsibility from the community.

“From the increased responses (through the advocacy programmes), we have seen more complaints and action taken by the public,” she added.

Recently, the bodies of a 34-year-old woman and her 10-year-old daughter were found with slit marks on their throats in a drain in Alor Setar, Kedah.

Her two-year-old son was also found dead in another drain.

Malaysians were also left shocked with the horrifying murder of teacher Istiqomah Ahmad Rozi, 33.

On Aug 12, police confirmed that her dismembered body was discovered in a drain along the Alor Gajah-Tampin trunk road near Kampung Rimau, Pulau Sebang, on Dec 31 last year.

Istiqomah was reported missing four days earlier.

Earlier this month, a 28-year-old housewife was found dead with strangulation marks in her home in Kuantan, Pahang, leading to the arrest of several family members.

Separately, Nancy touched on the challenges of the care industry in the country.

She said many people have yet to see its economic potential, and as such, the ministry is starting its own institution.

“We want our caregivers to be more skilful and will upskill them to face future challenges.

“I want them to be seen as professionals, not just as some normal assistants. We need to encourage and motivate them,” she added.

Nancy said Malaysia cannot afford to be left behind as there is a need to promote the care industry.

“It is an industry that everyone needs or will need, so the matter requires more attention. Perhaps we have to view it from this perspective and collaborate with other ministries,” she said.

The number of care workers is expected to go up in view of Malaysia’s status as an ageing society in 2030.

Nancy said the ministry had trained 655 people since 2018 with this year’s target set at 385.

## **MEMPERTINGKATKAN HAK WANITA TANGGUNGJAWAB BERSAMA - RAJA PERMAISURI AGONG**

**KUALA LUMPUR:** Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah bertitah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak untuk meningkatkan hak wanita bagi memastikan golongan itu dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam masyarakat.

Seri Paduka Baginda bertitah sejak 1962, susulan sistem pendidikan dan penjagaan kesihatan yang semakin baik, wanita di Malaysia telah menjadi sebahagian daripada tenaga kerja sekali gus menyumbang kepada pembangunan sosial serta ekonomi negara.

Bagaimanapun, Raja Zarith Sofia bertitah ramai wanita masih tidak dapat meneruskan kerjaya mereka walaupun berpendidikan tinggi dan terdapat pelbagai dasar yang mesra wanita atau keluarga serta insentif diperkenalkan yang menggalakkan penyertaan mereka di tempat kerja.

"Sering kali wanita terpaksa berhenti kerja, selalunya disebabkan untuk menjaga anak atau orang tua mereka atau ahli keluarga yang memerlukan penjagaan khusus. Apabila keadaan itu berlaku, biasanya tiada ahli keluarga lain yang membantu mereka.

"Wanita terpaksa menjadi penjaga walaupun tanpa latihan khusus. Kebanyakan fasiliti penjagaan seperti pendidikan prasekolah dan rumah penjagaan orang tua pula, biasanya di luar kemampuan kewangan kebanyakan keluarga," titah Raja Permaisuri Agong ketika berucap sempena sambutan Hari Wanita di sini hari ini.

Titah Raja Zarith Sofiah penjagaan adalah keperluan asas bagi manusia, oleh itu semua pihak perlu menangani pelbagai isu yang timbul ketika menjaga keluarga

Seri Paduka Baginda bertitah keperluan itu lebih mendesak apabila penduduk negara ini semakin menua dan terdapat peningkatan bilangan kanak-kanak dengan keperluan khas termasuk autisme, cerebral palsy dan sindrom Down.

Raja Permaisuri Agong turut menekankan mengenai kepentingan untuk tidak mengabaikan kumpulan rentan seperti kanak-kanak tanpa negara, pelarian dan pekerja migran yang aspek penjagaan serta keperluan mereka mungkin terlepas pandang.

"Dalam sebuah masyarakat yang prihatin, semua orang harus dilayan sama rata dengan bermaruah dan terhormat. Kita perlu berusaha memastikan tiada sesiapa yang terpinggir.

"Setiap orang perlu mempunyai akses kepada keperluan asas dan anak-anak kita sepatutnya mendapat peluang lebih baik berbanding apa yang kita ada. Mereka yang tidak dapat menjaga diri mesti diberi perhatian," titah Raja Zarith Sofiah.

Seri Paduka Baginda turut menzahirkan kebimbangan terhadap ramai rakyat di negara ini yang terus susah menyebabkan mereka kelaparan, sakit, kurang mendapat pelajaran, menganggur, hidup gelandangan, terabai malah dibuang keluarga dan saudara-mara.

"Kita perlu menangani isu ini dengan serius. Membina masyarakat yang prihatin adalah cabaran yang perlu dihadapi kerana ia memberi impak positif pada sosioekonomi.

"Terdapat banyak aspek penjagaan yang perlu kita selidiki. Ini termasuk nilai ekonomi dalam penjagaan, rangka kerja pengawalseliaan untuk penjagaan berkualiti, selamat dan beretika serta program bagi memastikan tiada sesiapa yang terpinggir," titah Seri Paduka Baginda.

Mengenai Forum Ekonomi Penjagaan Malaysia 2 (MCEF2.0) yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan, Raja Zarith Sofiah menzahirkan keyakinan bahawa dengan pengalaman luas dalam penjagaan dari lahir hingga akhir hayat, setiap peserta mempunyai pandangan bernas tentang kualiti dan nilai-nilai moral penting diperlukan bagi penjaga.

Turut hadir pada majlis itu Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri dan Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) Profesor Emerita Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan.

## **'AYAH CEPAT SIHAT YA!'**

Cameron Highland: Sebelum ini Muhamad Dzulfadhli Samsuddin menjadi sandaran buat isterinya, Nur Syahidatul Azwa Mohd Zahidi dan empat anak namun semuanya berubah selepas dia terbabit dalam kemalangan jalan raya dua bulan lalu.

Ia kerana Muhamad Dzulfadhli, 34, masih tidak dapat berjalan sekali gus belum boleh bekerja sampai ke hari ini.

Meskipun begitu, Nur Syahidatul Azwa, 32, masih setia di sisi suaminya malah sanggup berehat sementara daripada mengambil upah sebagai tukang cuci inap desa demi memberi perhatian kepada Muhamad Dzulfadhli.

Berkongsi kisahnya, Nur Syahidatul Azwa berkata, suaminya terbabit dalam kemalangan selepas motosikal ditunggang terbabas dipercayai akibat tayar pecah ketika berkonvoi dengan rakan.

Katanya, akibat kemalangan itu, kepala suaminya terhentak di pembahagi jalan, siku kiri hancur dan kedua belah kaki dimasukkan besi akibat tulang patah hingga ditahan lebih sebulan dekat Hospital Teluk Intan, Perak bagi mendapatkan rawatan.

"Waktu terima panggilan mengenai suami memang tersentak kerana ketika itu sedang bekerja.

"Sedih dan risau semuanya bercampur baur mengenangkan keadaannya namun itu semua ketika awal dulu.

"Kini, saya sudah belajar terima takdir dan yakin di sebalik ujian itu, mesti Allah SWT akan bagi kemanisan nanti.

"Susah juga nak pujuk hati untuk terima tapi tak sampai persoalkan takdir kerana ramai orang di sekeliling terutama keluarga beri semangat kepada saya untuk terus positif," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Demi kelangsungan hidup, Nur Syahidatul Azwa mengambil komisyen dengan menjual biskut dan kini perlu menguruskan suami juga anak yang masih bersekolah.

"Selain tak dapat berjalan, suami juga tak boleh bercakap kerana sudah menjalani pembedahan trakeostomi (tebukan pada leher).

"Jadi, menjadi rutin harian saya untuk membantunya makan ubat dan minum susu manakala mandi pula adik lelaki akan bantu kerana tak larat buat seorang.

"Mujurlah tinggal di rumah keluarga saya jadi bila tak sempat hantar anak, ayah akan bantu saya. Setakat ini, anak saya faham keadaan bapa mereka termasuk si bongsu yang baru berumur empat tahun yang rapat dan tidur dengan bapanya itu.

"Terkejut juga apabila dia (anak bongsu) duduk sebelah bapanya dan kata 'ayah cepat sihat ya' jadi nampak macam dia lebih kuat daripada saya," katanya yang sudah menerima bantuan pesakit terlantar sebanyak RM500 sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan RM600 daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).



MUHAMAD Dzulfadhli ketika sihat bersama Nur Syahidatul Azwa dan empat anak mereka.

Nur Syahidatul Azwa berkata, perkongsiannya di TikTok bukan bertujuan meraih simpati namun sekadar mahu menyimpan memori dan melepaskan kerinduan terhadap suaminya.

"Pada masa sama, saya mengharap doa daripada orang ramai kerana dengannya (doa) mungkin ada keajaiban buat suami.

"Ada juga kongsi pengalaman mereka di ruangan komen dan ia buat saya faham, bukan saya seorang saja diuji kerana ada yang lebih teruk.

"Alhamdulillah, ramai doakan...itu yang buat saya sebak dan harapan saya cuma nak suami sembuh walaupun keadaannya tak jadi sempurna macam dulu.

"Doktor kata peluang suami untuk dapat berjalan semula agak tipis tapi saya yakin dengan keajaiban Allah dan doa daripada semua yang suami saya dapat berjalan walaupun tak sama macam dulu," katanya.

## TINGKAT TENAGA BURUH WANITA



FORUM untuk memperkasakan lagi penyertaan wanita dalam bidang ICT anjuran SKMM disertai lebih 300 peserta termasuk peneraju industri dan pelajar universiti tempatan.

Pembabitan wanita yang menceburi kerjaya dalam bidang teknologi dan digital di negara ini semakin ketara.

Sehingga 2021, wanita di Malaysia yang bekerja dalam sektor teknologi meningkat kepada 35 peratus .

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching berkata, wanita di negara ini perlu disokong supaya berani menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Kata beliau, ia bukan sahaja mengenai kesaksamaan tetapi juga mengenai membuka potensi yang akan memacu inovasi serta pertumbuhan ekonomi.

"Wanita perlu digalakkan untuk meneruskan pendidikan dan kerjaya dalam bidang STEM kerana ia adalah pelaburan untuk masa depan negara.

"Kerajaan percaya, bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan STEM tidak lagi bergantung kepada kekuatan fizikal semata-mata.

"Golongan wanita kini menyumbang kepada 50 peratus daripada populasi negara dan meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang ini akan meningkatkan lagi kadar buruh wanita di Malaysia dengan berkesan," katanya berucap merasmikan

forum Girls in ICT 2024 anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan SKMM, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunos.

Forum untuk memperkasakan lagi penyertaan wanita dalam bidang ICT itu dihadiri lebih 300 peserta termasuk peneraju industri dan pelajar universiti tempatan.

Ia menjadi platform di mana wanita yang berjaya dari pelbagai industri berkumpul untuk berkongsi pengalaman dalam kepimpinan dan kisah kejayaan masing-masing dalam ekosistem ICT.

Antara barisan panel yang tampil berdiskusi pada forum berkenaan adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Media Prima Television Networks (MPTN) dan Primeworks Studios, Nini Yusof; Ketua Pegawai Digital Kumpulan Maybank, Kalyani Nair; Ketua Pegawai Maklumat MAXIS, Ng May Ching; Ketua Pegawai Eksekutif MyCreative Ventures Group, Zainariah Johari; Ketua Pegawai Komersil - Pelanggan TM, Jasmine Lee; Ketua Data GX Bank, Caroline Chong, Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Datuk Suhaimi Sulaiman dan ramai lagi.

Mengulas lanjut Nie Ching berkata, forum itu bukan hanya berkisarkan mengenai pencapaian individu sebaliknya pemerksaan, memecahkan halangan dan menetapkan penanda aras baharu untuk gadis.

Selain itu, ia juga mengenai mewujudkan rangkaian sokongan yang mampan untuk wanita di negara ini.

Tegasnya, literasi digital dan pembangunan kemahiran dalam kalangan wanita muda juga perlu diberi keutamaan.

Ini kerana kemajuan pesat teknologi menjadikannya penting bagi mereka untuk mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan latihan berkaitan ICT.

"Kemahiran itu penting dalam menyediakan mereka untuk pasaran pekerjaan pada masa hadapan.

"Apabila kita menggalakkan mereka untuk meneruskan pendidikan dan kerjaya STEM, secara tidak langsung kita turut melabur untuk masa depan negara.

"Kajian menunjukkan bahawa dalam pelbagai pasukan terutamanya yang mempunyai perwakilan wanita yang kuat, mereka cenderung untuk menjadi lebih inovatif dan berprestasi lebih baik dari segi kewangan," katanya.

Sementara itu, pelajar jurusan Pengurusan Perniagaan, Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Nur Auni Izzati Zaluwi, 19, berkata, dia dan rakan-rakannya sukarela menyertai forum berkenaan sebaik sahaja mengetahuinya daripada pensyarah.

Katanya, seramai 46 pelajar dari kolej terbabit menyertai forum selama sehari berkenaan.

"Forum seperti memberi banyak manfaat kepada kami, pelajar yang akan memasuki dunia pekerjaan kelak.

"Selain mendengar sendiri perkongsian realiti sebenar dunia pekerjaan daripada tokoh-tokoh korporat wanita, peserta juga didedahkan dengan kepentingan ilmu ICT dalam dunia pekerjaan hari ini.

"Lebih menarik, kami juga diajar bagaimana untuk membina rangkaian yang penting untuk kehidupan di alam pekerjaan kelak. Memang bermanfaat dan tidak membosankan," katanya.

## **MOTOSIKAL RODA TIGA JADI 'RUMAH' LELAKI OKU**



Ismail Zaki tidur di atas motosikalnya sejak menjalani dialisis empat bulan lalu.

ALOR SETAR - Sebuah motosikal roda tiga menjadi 'rumah' buat seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) di bandar raya ini sejak menjalani dialisis untuk merawat penyakit buat pinggang empat bulan lalu.

Ismail Zaki Abdul Razak, 59, berkata, dia perlu menempuh perjalanan yang jauh untuk ke Hospital Alor Setar dari rumahnya yang terletak di Alor Sekawan, Tajar.

Justeru, katanya, dia mengambil keputusan tidak pulang ke rumah dan berniaga makanan ringan di atas motosikalnya di beberapa lokasi sekitar Alor Setar setiap hari.

"Pada waktu pagi saya akan berada di Restoran Top D' Alor Setar sehingga jam 3 petang, kemudian pada jam 4 petang saya akan ke Restoran Pine 2 di Simpang Kuala, sehingga jam 11 malam sebelum bergerak ke Pasar Borong sehingga pagi," katanya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Menurutnya, dia akan tidur di atas motosikalnya sekiranya penat atau mengantuk.

"Ini rutin saya setiap hari, kiranya saya berniaga 24 jam. Tindakan ini memang tak baik untuk kesihatan saya, tapi saya terpaksa, sebab saya pun tinggal seorang diri selepas bercerai dengan isteri," ujarnya.

Ismail Zaki berkata, dia berstatus OKU sejak 20 tahun lalu selepas kaki kirinya dipotong pada tahun 2003.

"Kemudian pada tahun 2023 kaki sebelah kanan pula dipotong. Sejak empat bulan lalu saya perlu menjalani dialisis selepas disahkan menghidap penyakit buah pinggang.

"Saya hampir berputus asa untuk hidup, namun saya bernasib baik ada ramai yang masih beri sokongan kepada saya termasuk kakitangan di tempat saya dialisis," katanya.

Ismail Zaki mengeluarkan modal sebanyak RM100 untuk menghiasi motosikalnya sempena Hari Kebangsaan.

Ismail Zaki mengeluarkan modal sebanyak RM100 untuk menghiasi motosikalnya sempena Hari Kebangsaan.

Menurutnya, melalui sumbangan motosikal yang diterima daripada isteri bekas perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor itu dia mendapat idea untuk menjadikan motosikal berkenaan sebagai kedai runcit bergerak.

"Kalau ikutkan jualan saya ini tidak untung sangat, cuma ramai yang bersedekah kepada saya, jadi dapat RM50-RM60 sehari," katanya.

Jelasnya, dia turut berterima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang memberi bantuan kepadanya sejak bergelar OKU.

"Saya juga berterima kasih kepada pemilik syarikat Johan Group yang memberi bantuan RM150 setiap bulan kepada saya.

"Saya bersyukur masih ada orang yang prihatin dengan nasib saya. Malah, ke mana saya pergi, saya sentiasa berjumpa dengan orang yang baik-baik," katanya.

Motosikal Mohd Zaki yang dihiasi Jalur Gemilang dan bendera negeri Kedah mencuri perhatian orang ramai.

Motosikal Mohd Zaki yang dihiasi Jalur Gemilang dan bendera negeri Kedah mencuri perhatian orang ramai.

Dalam pada itu, sempena sambutan Hari Kebangsaan, Ismail Zaki turut tidak melepaskan peluang menghias motosikalnya dengan bendera.

Katanya, dia mengeluarkan modal sebanyak RM100 untuk membeli bendera dan mengupah rakan memasang bendera.

"Ini kali pertama saya hiasi motosikal dengan bendera, sebab tiba-tiba terdetik di hati saya, saya rakyat Malaysia tapi saya tak buat apa pun bila tiba hari merdeka.

"Jadi ini saja usaha kecil saya dengan keluarkan sedikit duit hasil jualan untuk beli bendera," katanya.

Menurutnya, pada 31 Ogos ini dia akan berada di sekitar Alor Setar termasuk di lokasi tumpuan orang ramai ketika sambutan Hari Kebangsaan.

Sementara itu, kepada orang ramai yang ingin membantu Ismail Zaki, boleh menghubunginya di talian 01121473216.

membuat semakan rakaman kamera litar tertutup," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kedua-dua mangsa dipercayai terperangkap kira-kira sembilan jam dalam lif tersebut sebelum pihak pengurusan pangsapuri berjaya mengeluarkan mereka dalam keadaan selamat.

Kedua-dua mangsa telah diserahkan kepada keluarga masing-masing.